

# KEPUTUSAN RAKAN STRATEGIK PROTON MENJELANG SUKU-2

**SHAH ALAM, 15 Februari 2017:** DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) berharap orang ramai tidak terpengaruh dengan beberapa laporan yang mendakwa kami telah memuktamadkan pencarian rakan strategik asing bagi syarikat milik penuh kami, PROTON Holdings Berhad (PROTON). Buat masa ini, kami sedang menumpukan kepada proses kritikal mencari rakan strategik asing yang tepat untuk PROTON, dan satu pengumuman akan dibuat pada waktu yang tepat kelak.

Ada beberapa laporan yang mendakwa pencarian ini akan dimuktamadkan pada hari ini, 15 Februari. Kami ingin menjelaskan bahawa seperti yang telah kami umumkan terdahulu, DRB-HICOM akan menamatkan pencarian dan mengumumkan hasilnya didalam separuh pertama tahun 2017. Kami bagaimana pun akan berusaha untuk menyelesaikan pencarian ini secepat mungkin.

Kami juga telah menjelaskan sebelum ini bahawa proses ini adalah amat kompleks dan akan memakan masa. Setelah menerima bidaan DRB-HICOM akan memulakan perundingan terperinci dengan pembida-pembida. Ini adalah untuk memastikan semua perkara utama yang akan kami pertimbangkan ada didalam bidaan mereka. Ini merangkumi keserasian strategik, operasi dan budaya.

DRB-HICOM kemudian akan memulakan proses kelulusan dalaman, termasuk memanggil mesyuarat pemegang saham, selain proses kelulusan daripada pihak berkuasa untuk membolehkan rakan strategik yang dipilih mengambil alih ekuiti didalam PROTON.

Kami harap orang awam tidak terkeliru dengan laporan-laporan yang tidak tepat mengenai isu ini. DRB-HICOM akan membuat pengumuman rasmi pada waktu yang sesuai.

~TAMAT~

## **Mengenai DRB-HICOM**

*DRB-HICOM Berhad* merupakan salah sebuah konglomerat utama Malaysia dengan perniagaan berteraskan bidang Automotif dan Pertahanan; Perkhidmatan, Pendidikan dan Hartanah, Aset & Pembinaan. Kumpulan DRB-HICOM mempunyai lebih daripada 90 anak syarikat yang aktif dengan kekuatan pekerja seramai lebih 59,000 orang secara keseluruhannya. DRB-HICOM mempunyai matlamat untuk manambah nilai yang berterusan dan menjadi penggerak kepada pembangunan negara. Di dalam sektor Automotif dan Pertahanan, DRB-HICOM terlibat dalam pembuatan, pemasangan dan pengedaran kenderaan komersial dan penumpang, termasuklah bekalan komponen komposit untuk pesawat. Di dalam bidang Perkhidmatan dan Pendidikan, DRB-HICOM terlibat di dalam pelbagai bidang perniagaan, termasuklah perkhidmatan berkonsesi dan kewangan. Di dalam bidang Hartanah, Aset & Pembinaan, DRB-HICOM turut terlibat di dalam pembangunan kediaman dan komersial.

### **Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Mahmood Abdul Razak**

Ketua Kumpulan , Komunikasi Strategik

DRB-HICOM Berhad

Tel: 03-2052 8238

Email: mahmood.razak@drb-hicom.com